

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	8 JULY 2017

Najib minta perincikan persiapan hadapi PRU-14

# Rapatkan saf perjuangan parti

um - 8/7/2017 pg. 2

■ KUALA LUMPUR 7 JULAI



**P**RESIDEN UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak menyeru semua ahli parti yang akan mengambil bahagian dalam Mesyuarat Perwakilan Bahagian bermula hari ini untuk merapatkan saf perjuangan.

Perdana Menteri juga mahu semua anggota perwakilan menggunakan kesempatan mesyuarat tersebut untuk bangkit bersama-sama memperincikan persiapan jentera dan menggariskan strategi ke arah kesiapsiagaan bagi mengha-

dapi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) akan datang.

“Jangan ada kelalaian atau kekurangan nanti apabila kita semua dipanggil berjuang di barisan hadapan untuk UMNO.

“Insyallah kita semua akan muncul sebagai pejuang terbaik. Selamat bersidang saya ucapkan,” kata beliau melalui laman Facebook dan Twitter miliknya, malam tadi.

Mesyuarat perwakilan tersebut diadakan selepas mesyuarat UMNO cawangan yang berlangsung dari 17 Mac hingga 30 April lalu. - BERNAMA